



Pasukan Relasi Politeknik Seberang Prai muncul juara Kem Tahunan Relasi Politeknik, semalam.

## Rela sedia hantar lebih pasukan

**PERMATANG PAUH-** Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) di Sabah menyediakan kira-kira 200,000 anggota untuk memberikan bantuan di sekitar kawasan yang terjejas akibat gempa bumi di Sabah.

Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Lokeman Said berkata, bilangan anggota Rela sememangnya mencukupi untuk membantu operasi menyelamat yang dilaksanakan ketika ini.

"Rela mempunyai seramai 50 anggota Pasukan Pengurusan Krisis (CMT) yang

masing-masing pakar dalam pelbagai bidang di setiap daerah dan bersedia pada bila-bila masa diperlukan.

"Anggota yang terlatih turut sama membantu mengagihkan makanan, pakaian dan barang keperluan yang disalurkan jabatan serta agensi kerajaan selain NGO.

"Malah, kita bersedia menghantar lebih banyak pasukan jika keadaan memerlukan," katanya selepas merasmikan majlis penutup 2nd Malaysian Polytechnic Relasis Annual Camp 2014 di Politeknik Seberang Prai, semalam.